MediAsas

Perlindungan Penjagaan Kesihatan, Direka Semula

MediAsas memperluaskan perlindungan kewangan untuk menguruskan keperluan penjagaan kesihatan penting, dengan menawarkan pelan insurans/takaful perubatan dan kesihatan yang lebih baik.

Apakah itu MediAsas?

MediAsas ialah inisiatif penjagaan kesihatan swasta yang menawarkan pelan insurans/takaful perubatan dan kesihatan yang mudah diakses, mampu milik dan mampan.

- Pelan ini ialah pelan insurans dan takaful di bawah inisiatif penjagaan kesihatan negara dan penyertaan adalah sukarela. MediAsas bukan skim insurans/takaful sosial.
- Memberikan akses kepada perlindungan penting bagi rawatan perubatan di hospital swasta dengan had tahunan yang meliputi hingga 99% daripada rawatan yang lazim.
- Pelan perlindungan perubatan kendiri yang boleh diperbaharui setiap tahun dan tidak berkait dengan sebarang produk pelaburan.



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Mengapa anda harus pilih MediAsas?

Akses	Membolehkan lebih banyak individu mendapatkan rawatan perubatan yang diperlukan di hospital swasta melalui kelayakan yang lebih luas serta perlindungan yang lebih mampu milik.
Nilai	Dilengkapi ciri kawalan dan perkongsian kos untuk memastikan premium kekal stabil, mampu milik dan mampan dari semasa ke semasa.
Pilihan	Pilih daripada rangkaian hospital panel untuk kemasukan ke hospital tanpa tunai, dengan kepastian yang lebih tinggi terhadap bil hospital yang akan dilindungi serta perbelanjaan sendiri yang lebih rendah.
Mudah	Pelan insurans/takaful perubatan dan kesihatan kendiri dengan manfaat yang diseragamkan serta syarat polisi/sijil yang lebih jelas dan mudah difahami.

Apakah Liputan Perlindungan Pelan Ini?

MediAsas akan memberikan perlindungan pada setiap peringkat dalam perjalanan kesihatan anda melalui perlindungan pra hospitalisasi, hospitalisasi, selepas hospitalisasi dan rawatan pesakit luar. Pelan ini juga merangkumi perlindungan untuk rawatan kanser bagi pesakit di hospital dan pesakit luar, tertakluk pada had tahunan tanpa tambahan bayaran bersama[1] untuk ubat kanser tertentu yang disenaraikan dalam Senarai Ubat Kanser[2].

[1] Bayaran bersama sehingga 20% mungkin dikenakan bagi ubat-ubatan yang lebih mahal di bawah Senarai Ubat Kanser.
[2] Senarai Ubat Kanser ditetapkan dan diterbitkan oleh Pihak Berkuasa Penyeliaan, iaitu badan yang diberi kuasa oleh Kerajaan Malaysia untuk menetapkan peraturan yang terpakai kepada perlindungan manfaat di bawah pelan ini.

Pilih Pelan Yang Memenuhi Keperluan Anda

Sama ada anda mencari perlindungan yang diperlukan atau lebih fleksibiliti dalam menguruskan kos penjagaan kesihatan, MediAsas menawarkan pelan insurans dan takaful yang sesuai dengan keperluan dan belanjawan anda. Pelan ini tersedia untuk pendaftaran hingga umur 70 tahun, dengan perlindungan hingga umur 85 tahun.

MediAsas Teras

Menyediakan pelan perlindungan perubatan mampu milik dan mudah diakses yang direka untuk keperluan penjagaan kesihatan harian.

MediAsas Fleksi

Menawarkan lebih banyak fleksibiliti dan pilihan tambahan bagi membantu pengurusan perbelanjaan penjagaan kesihatan.

Siapakah yang Patut Mempertimbangkan Pelan Ini?

Pelan ini sesuai untuk:

- Individu yang mencari pelan insurans/takaful perubatan dan kesihatan yang lebih mampu milik dalam jangka masa panjang.
- Pembeli pelan insurans/takaful perubatan dan kesihatan kali pertama.
- Individu yang lebih gemar untuk mula miliki pelan insurans/takaful perubatan dan kesihatan yang melindungi keperluan asas, dengan pilihan untuk menambah baik perlindungan pada masa hadapan.
- Golongan pekerja muda yang ingin melengkapkan pakej manfaat pekerja yang disediakan oleh majikan mereka.



ⓘ Nota Penting:
Sila rujuk kontrak polisi/sijil takaful syarikat insurans atau pengendali takaful masing-masing untuk perincian maklumat, terma, syarat dan pengecualian.

Untuk maklumat lanjut mengenai MediAsas, sila layari **bnm.gov.my/mhit** atau e-mel ke **MediAsas_support@bnm.gov.my**